

# **LEMBARAN SERLAHAN PRODUK KUMIPA BALANCED FUND**

**LEMBARAN SERLAHAN PRODUK INI  
BERTARIKH 8 OGOS 2024**



**PENGURUSAN KUMIPA BERHAD 198901010602 (187904-M)  
[www.phgunitrust.com.my](http://www.phgunitrust.com.my)**

# LEMBARAN SERLAHAN PRODUK

LEMBARAN SERLAHAN PRODUK INI BERTARIKH 8 OGOS 2024

## KUMIPA BALANCED FUND

### KENYATAAN TANGGUNGJAWAB

Lembaran Serlahan Produk ini telah disemak dan diluluskan oleh Pengarah-Pengarah Pengurusan Kumipa Berhad dan mereka secara individu dan bersama menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas ketepatan maklumat. Setelah membuat siasatan yang munasabah dalam keadaan demikian, mereka mengesahkan bahawa, menurut kepercayaan dan pengetahuan mereka, tidak ada kenyataan-kenyataan yang palsu atau mengelirukan, atau ketinggalan apa-apa fakta lain yang akan membuat apa-apa kenyataan di dalam Lembaran Serlahan Produk ini sebagai palsu atau mengelirukan.

### KENYATAAN MENOLAK LIABILITI

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah membenarkan penerbitan unit-unit KUMIPA Balanced Fund dan suatu salinan Lembaran Serlahan Produk ini telah diserahkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Kebenaran penerbitan unit-unit KUMIPA Balanced Fund ini dan serahsimpan Lembaran Serlahan Produk ini tidak boleh diambilkira sebagai menunjukkan bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengesyorkan unit-unit KUMIPA Balanced Fund ini atau menerima tanggungjawab bagi ketepatan mana-mana kenyataan yang dibuat atau pendapat atau laporan yang dinyatakan di dalam Lembaran Serlahan Produk ini.

Pihak Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas mana-mana ketidakzahiran pada pihak Pengurusan Kumipa Berhad yang bertanggungjawab ke atas unit-unit KUMIPA Balanced Fund dan juga tidak bertanggungjawab terhadap isi kandungan di dalam Lembaran Serlahan Produk ini. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak memberi gambaran ke atas ketepatan atau kesempurnaan Lembaran Serlahan Produk ini dan dengan nyata menolak apa-apa liabiliti yang timbul dari atau dalam kebergantungan terhadap kesemua atau mana-mana bahagian isi kandungan Lembaran Serlahan Produk ini.



**PENGURUSAN KUMIPA BERHAD 198901010602 (187904-M)**  
[www.phgunitrust.com.my](http://www.phgunitrust.com.my)

Lembaran Serlahan Produk ini hanya menekankan maklumat-maklumat utama serta risiko-risiko utama unit amanah Tabung ini. Para Pelabur dinasihatkan agar mendapatkan dokumen-dokumen tambahan lain yang berkaitan serta membaca dan memahaminya sebelum membuat keputusan untuk melabur.

## LEMBARAN SERLAHAN PRODUK

### KUMIPA BALANCED FUND

#### MAKLUMAT RINGKAS PRODUK

##### Apakah itu Tabung KUMIPA Balanced Fund?

Tabung ini ialah satu Tabung Unit Amanah Bumiputra Seimbang yang mempunyai objektif pelaburan untuk menghasilkan kadar pulangan yang berpatutan dan peningkatan modal kepada Pemegang Unit melalui portfolio pelaburan yang seimbang di dalam ekuiti dan bukan ekuiti yang dibenarkan oleh Surat Ikatan.

#### KESESUAIAN PRODUK

##### Siapakah yang sesuai untuk Tabung ini?

Individu atau Institusi Bumiputra yang sesuai dan layak untuk melabur di dalam tabung ini ialah mereka:

- Yang inginkan pendapatan yang berpatutan setiap tahun (jika ada)
- Yang berpandangan jangka panjang dalam pelaburan
- Yang memahami dan sanggup mengambil risiko turun naik nilai pelaburan dan pulangan pelaburan

#### CIRI-CIRI UTAMA PRODUK

<b>Kategori</b>	Tabung Pendapatan dan Pertumbuhan
<b>Jenis Produk</b>	Tabung Unit Amanah Bumiputra Seimbang
<b>Saiz Tabung Dibenar</b>	250 juta unit
<b>Objektif Pelaburan</b>	Berusaha untuk menghasilkan kadar pulangan yang berpatutan dan peningkatan modal kepada Pemegang Unit melalui portfolio pelaburan yang seimbang di dalam ekuiti dan bukan ekuiti yang dibenarkan oleh Surat Ikatan.  Pemegang Unit mesti memberi satu persetujuan melalui mesyuarat Pemegang Unit jika ada perubahan material kepada objektif pelaburan Tabung.
<b>Polisi dan Strategi-Strategi Pelaburan</b>	Mewujudkan satu portfolio yang seimbang dan pelbagai menerusi: <ul style="list-style-type: none"><li>• Pelaburan dalam ekuiti syarikat-syarikat yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan potensi pulangan pelaburan serta pertumbuhan yang konsisten.</li><li>• Pelaburan di dalam instrumen pasaran kewangan yang boleh menawarkan pendapatan yang stabil.</li><li>• Bagi mencapai objektif pelaburan, sebanyak 40% hingga 60% dari NAB Tabung akan dilaburkan di dalam ekuiti khususnya yang tersenarai di Bursa Malaysia manakala selebihnya di dalam sekuriti pendapatan tetap, deposit, instrumen pasaran wang dan aset cair.</li><li>• Walau bagaimanapun, nilai perumpukan aset ini dibenarkan untuk melebihi had yang ditetapkan apabila berlakunya tambah nilai atau susut nilai kepada aset bersih Tabung.</li><li>• Lebihan atau kurang dari had yang dibenarkan ialah sebanyak 10%.</li><li>• Nisbah yang tertera di atas merupakan garis panduan sahaja. Nisbah ini boleh dilaraskan agar sejajar dengan prestasi pasaran dan juga situasi ekonomi semasa.</li><li>• Sekurang-kurangnya 10% dari NAB Tabung dikekalkan dalam bentuk aset cair pada setiap masa.</li><li>• Perumpukan aset mungkin akan terlebih atau terkurang daripada strategi perumpukan yang asal, berdasarkan kepada keadaan ekonomi, politik, kedua-dua pasaran ekuiti dan pasaran wang pada sesuatu masa atau lain-lain keadaan semasa. Pengurus akan sentiasa memastikan agar apa jua tindakan yang diambil adalah atas kepentingan pelaburan Tabung supaya dapat menjana pulangan yang baik.</li></ul>
<b>Penanda Aras Prestasi</b>	Indeks FBMEmas dan kadar simpanan tetap konvensional di institusi kewangan utama tempatan. Ianya dikira berdasarkan kepada peratus perubahan bulanan kedua-dua indeks tersebut.  Prestasi kedua-dua asas tanda aras tersebut diwajibkan atau dibahagikan di dalam nisbah 60:40 mengikut perumpukan aset Tabung.

<b>Perumpukan Aset</b>		<b>30.4.2022</b>	<b>30.4.2023</b>	<b>30.4.2024</b>
	Ekuiti	48%	47%	52%
	Instrumen pasaran wang simpanan dan lain-lain	52%	53%	48%
<b>Tahun Kewangan berakhir</b>	30 April			
<b>Agihan Pendapatan</b>	Agihan pendapatan (jika ada) akan dibuat daripada pendapatan nyata Tabung yang diperolehi bagi tahun kewangan semasa. Agihan pendapatan dibuat kepada Pemegang Unit di dalam bentuk tunai dan/atau unit sekurang-kurangnya sekali setahun.			

**Dengan siapa saya membuat pelaburan?**

Syarikat Pengurusan	Pengurusan Kumipa Berhad (CMSL/A0150/2007) pemegang lesen Perkhidmatan Pasaran Modal di bawah Seksyen 58 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.
Pengurus Tabung	Pengurusan Kumipa Berhad
Pemegang Amanah	AmanahRaya Trustees Berhad
Juruaudit	AL JAFREE SALIHIN KUZAIMI
Bank Utama	CIMB Bank Berhad

**Apakah potensi pelaburan saya?**

1. Memperolehi kenaikan modal dan agihan pendapatan.
2. Tiada perubahan nilai modal dan agihan pendapatan.
3. Penurunan nilai modal dan agihan pendapatan.

Perlu diingat bahawa:

- Potensi pulangan pelaburan Tabung bergantung kepada prestasi pelaburan Tabung dan hasil perumpukan aset Tabung.
- Tiada jaminan bagi para pelabur untuk mendapat kembali kesemua jumlah pelaburan asal yang dibuat.
- Harga unit dan agihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan juga naik. Pelabur berkemungkinan tidak akan mendapat balik jumlah penuh pelaburan.
- Pelaburan pokok juga terdedah kepada pelbagai risiko terutama risiko turun naik nilai aset bersih (NAB) Tabung.
- Pencapaian Tabung pada masa lalu tidak menggambarkan pencapaian di masa hadapan.

**RISIKO UTAMA**

**Apakah Risiko-Risiko Utama Melabur Di Dalam Tabung Ini**

**Risiko Pasaran Modal**

Pelaburan Tabung hanya tertumpu kepada pasaran saham tempatan sahaja. Sebarang turun naik pasaran saham tempatan akan memberi kesan langsung kepada pelaburan Tabung. Oleh itu pelaburan Tabung akan dipengaruhi oleh perubahan iklim ekonomi dan politik atau peraturan dan undang-undang di Malaysia.

Bagi mengurus risiko ini, Tabung akan hanya meletakkan aset di dalam pelaburan yang dibenar berdasarkan had yang ditetapkan serta yang diluluskan oleh Panel Pelaburan.

**Risiko Sekuriti Tertentu**

Harga sesuatu sekuriti mungkin berubah mengikut prestasi syarikat tersebut yang terdedah kepada pelbagai faktor dalaman dan luaran. Perubahan harga sekuriti tertentu itu akan menjejaskan NAB dan harga unit Tabung. Risiko melabur di dalam sekuriti tertentu ini boleh dikurangkan dengan cara Tabung melabur di dalam pelbagai jenis sekuriti yang dibenar.

### Risiko Kadar Faedah

Sebarang perubahan dalam iklim ekonomi semasa akan mempengaruhi pergerakan kadar faedah ke atas penilaian bon. Apabila kadar faedah meningkat, harga bon pada umumnya akan merosot dan ini akan mengurangkan nilai pasaran bon. Begitu juga apabila keadaan yang bertentangan berlaku apabila kadar faedah menurun harga bon akan naik. Pergerakan kadar faedah ini akan menjejaskan harga pasaran bon yang dipegang oleh Tabung.

Tabung mempelbagaikan tenor sekuriti pendapatan tetap agar sebarang perubahan di dalam kadar faedah dapat dimanfaatkan secara optimum.

### Risiko Kredit

Merujuk kepada keupayaan pengeluar bon untuk membuat bayaran untung dan/atau prinsipal tepat pada masanya. Sekiranya pengeluar bon mungkir di dalam pembayaran keuntungan dan /atau prinsipal, nilai prinsipal dan keuntungan yang patut diperolehi akan terjejas dan kualiti bon mungkin akan menurun. Ini semua akan memberi kesan kepada NAB Tabung. Risiko ini dikurangkan dengan pengawasan yang berterusan dan keprihatinan terhadap kedudukan kewangan dan keutuhan perniagaan pengeluar bon.

Risiko kredit juga merujuk kepada keupayaan pihak-pihak yang berurusan dengan Tabung untuk menyelesaikan komitmen kewangan kepada Tabung dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Tabung tidak menghadapi risiko kredit yang ketara kerana keseluruhan operasinya adalah berasaskan tunai. Jumlah terutang daripada syarikat pembrokeran diterima dalam tempoh dua (2) hari urus niaga. Deposit juga ditempatkan dengan institusi-institusi kewangan berlesen yang dikawal selia oleh pihak Bank Negara Malaysia.

### Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

Risiko kecairan merupakan risiko di mana Tabung akan mengalami kesukaran dalam merealisasikan aset atau memperoleh dana yang secukupnya untuk menyelesaikan tanggungan berhubung mana-mana instrumen kewangan. Risiko aliran tunai timbul apabila nilai yang bakal diperolehi dari pegangan instrumen kewangan menyusut daripada nilai asalnya.

Risiko ini akan diminimumkan kerana aset Tabung terdiri daripada simpanan tunai, sekuriti-sekuriti yang mudah direalisasi atau mudah dijual, sekiranya perlu. Sekuriti Tabung yang tersenarai, sedia direalisasi kerana ianya tersenarai di Bursa Malaysia.

Tabung juga akan memastikan tahap kecairan semasa sentiasa sejajar dengan keperluan operasi serta mengambilkira potensi penebusan unit yang berskala besar terutamanya ketika pasaran modal berada di dalam keadaan kurang memberangsangkan.

### Pengurusan Modal

Modal Tabung terdiri daripada pelaburan oleh Pemegang-Pemegang Unit. Jumlah modal boleh berubah dengan ketara setiap hari berikutan penebusan dan langganan unit oleh Pemegang-Pemegang Unit. Pengurus mengendalikan modal Tabung berdasarkan objektif pelaburan Tabung di samping mengekalkan tahap tunai yang mencukupi untuk pembayaran penebusan unit oleh Pemegang-Pemegang Unit.

## CAJ DAN FI

### Apakah caj dan fi yang terlibat?

CAJ	%/RM
Caj Jualan Seunit	Sehingga 6% dari NAB seunit
Caj Belian Balik seunit	Sehingga 2% daripada NAB seunit dan tidak lebih daripada lima (5) sen seunit
Lain-Lain Caj	Tiada
FI	%/RM
Fi Pengurusan Tahunan	1.5% setahun daripada NAB Tabung yang dikira dan diakru harian.
Fi Pemegang Amanah Tahunan	Pada kadar 0.1% setahun daripada NAB Tabung dan jumlahnya diakru pada setiap hari

Pengurus boleh mengenakan caj yang lebih rendah dari semasa ke semasa di atas budi bicaranya. Pelabur boleh melawati laman web Pengurus melalui [www.phgunitrust.com.my](http://www.phgunitrust.com.my) untuk menyemak kadar caj terkini yang dikenakan.

Pelaburan Permulaan Minimum	100 unit
Pelaburan Tambahan Minimum	50 unit

**SILA AMBIL PERHATIAN BAHAWA PELABUR-PELABUR DINASIHATKAN SUPAYA TIDAK MEMBUAT BAYARAN TUNAI KEPADA MANA-MANA PERUNDING UNIT AMANAH ATAU MENGELUARKAN CEK ATAS NAMA PERUNDING UNIT AMANAH APABILA MEMBELI UNIT-UNIT TABUNG INI.**

## PENENTUAN NILAI ASET BERSIH TABUNG, HAK DAN TEMPOH BERTENANG DAN BELIAN BALIK UNIT

### Berapa kerap penentuan nilai aset bersih dibuat?

- Penilaian NAB Tabung dibuat sekali sehari, kebiasaannya pada hujung setiap hari perniagaan sejurus selepas Bursa Malaysia ditutup.
- Harga unit dikira berasaskan harga hadapan.
- Harga unit harian boleh diketahui melalui:
  - Laman web akhbar The Star di alamat <http://www.thestar.com.my/business/unit-trust/>
  - Laman web Pengurus di alamat <http://www.phgunitrust.com.my>
  - Pejabat Pengurus setiap hari bekerja pada waktu pejabat dari pukul 8.30 pagi – 5.30 petang

### Bagaimana saya boleh menarik balik pembelian unit saya dalam tempoh bertenang dan apakah risiko dan kos yang terlibat?

Hak dan Tempoh Bertenang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hak bertenang ialah hak setiap Pemegang Unit individu untuk mendapatkan kembali wang pelaburan mereka didalam masa tempoh bertenang sekiranya mereka tidak lagi berminat untuk meneruskan pelaburan mereka.</li> <li>• Hak bertenang hanya diberi kepada Pemegang Unit individu yang membuat pelaburan permulaan sahaja. Hak bertenang ini tidak terpakai untuk sebarang pelaburan tambahan</li> <li>• Tempoh bertenang bermakna satu tempoh dimana Pemegang Unit diberi peluang untuk membatalkan pembelian unit-unit Tabung jika mereka berhasrat untuk berbuat demikian selepas membeli unit-unit tersebut.</li> <li>• Tempoh bertenang Tabung adalah selama enam (6) hari perniagaan bermula dari tarikh permohonan membeli unit yang lengkap diterima oleh Pengurus. Pemohon boleh memaklumkan kepada Pengurus sekiranya mereka ingin membatalkan pembelian unit-unit mereka secara bertulis atau menghubungi terus ke pejabat Pengurus.</li> <li>• Bayaran balik akan dibuat pada harga asal unit yang dibeli atau pada harga semasa pada tarikh Pengurus menerima notis pembatalan pembelian unit, yang mana lebih rendah.</li> <li>• Pengurus mesti membuat pembayaran balik termasuk caj jualan seunit yang dikenakan semasa belian unit tersebut dibuat. Pembayaran balik akan dibuat dalam tempoh tujuh (7) hari perniagaan dikira dari tarikh Pengurus menerima notis pembatalan pembelian unit tersebut. Bayaran akan dibuat melalui pindahan tunai atas talian ke akaun pemohon.</li> <li>• Walau bagaimanapun, hak untuk membatalkan pembelian unit tidak terpakai kepada institusi atau perbadanan, kakitangan syarikat Pengurus dan PEUA.</li> </ul>
--------------------------	--

### Sekiranya anda telah berdaftar sebagai pemegang unit, anda boleh menjual balik unit-unit anda dengan membuat permohonan belian balik.

Belian Balik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Belian balik boleh dibuat sama ada sebahagian atau keseluruhan unit-unit yang dimiliki dengan menggunakan Borang Belian Balik.</li> <li>• Bagi permohonan yang lengkap, Pengurus akan membeli balik unit berdasarkan harga seunit ditolak caj belian balik yang diisytiharkan selepas permohonan membeli balik unit diterima oleh Pengurus.</li> <li>• Pengurus akan membuat bayaran dalam tempoh tujuh (7) hari perniagaan dari tarikh penerimaan permohonan lengkap.</li> <li>• Tiada minima unit untuk belian balik oleh Pengurus.</li> </ul>
--------------	---

## PRESTASI TABUNG

### Purata Jumlah Pulangan Tahunan Tabung

Purata jumlah pulangan tahunan Tabung bagi 1 tahun, 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun untuk tahun kewangan berakhir 30 April 2024.

	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	10 Tahun
	1.5.2023-30.4.2024	1.5.2021-30.4.2024	1.5.2019-30.4.2024	1.5.2014-30.4.2024
	%	%	%	%
KUMIPA Balanced Fund	14.25	4.33	2.78	1.05
Penanda Aras	9.62	1.39	1.76	0.98

## Jumlah Pulangan Tahunan Tabung

Jumlah pulangan tahunan Tabung bagi tempoh 10 tahun untuk tahun kewangan berakhir 30 April.

	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024
	%	%	%	%	%	%	%	%	%	%
KUMIPA Balanced Fund	-2.50	-2.20	9.42	-7.46	-0.71	-10.51	11.44	2.13	-3.39	14.25
Penanda Aras	-0.56	-2.99	6.36	3.17	-5.02	-8.26	12.91	-0.95	-4.51	9.62

Pada tahun 2024, prestasi pulangan tahunan KUMIPA agak stabil berbanding dengan penanda aras.

## Kaedah Pengiraan Jumlah Pulangan Tabung

Jumlah pulangan tabung terdiri daripada hasil pulangan pendapatan dan pertumbuhan modal. Berikut ialah asas kiraan pulangan tabung:

a. Hasil Pulangan pendapatan :  $\frac{\text{Agihan Kasar Seunit} + \text{Bonus Seunit}}{\text{NAB Akhir Seunit (selepas agihan)}}$

b. Pertumbuhan modal :  $\left\{ \frac{\text{NAB akhir Seunit (selepas agihan)}}{\text{NAB awal Seunit (selepas agihan)}} \right\} - 1$

c. Jumlah pulangan : Hasil Pulangan pendapatan + Pertumbuhan modal

Purata jumlah pulangan tahunan = pulangan tahunan dicampurkan dan dibahagikan dengan tahun dikehendaki.

Contoh :

Untuk tiga tahun =  $\frac{(\text{jumlah pulangan tahun 1} + \text{jumlah pulangan tahun 2} + \text{jumlah pulangan tahun 3})}{3}$

**PENCAPAIAN TABUNG PADA MASA LALU TIDAK MENGGAMBARAKAN PENCAPAIAN DI MASA HADAPAN.**

## Nisbah Dagangan Portfolio

Berikut ialah nisbah dagangan portfolio untuk tiga (3) tahun kewangan:

	30.4.2022	30.4.2023	30.4.2024
Nisbah dagangan portfolio	0.11 kali	0.09 kali	0.15 kali

Nisbah dagangan portfolio menunjukkan sedikit perubahan. Ianya meningkat daripada 0.09 kali kepada 0.15 kali bagi tahun kewangan berakhir 30 April 2024. Perubahan ini disebabkan jumlah nilai transaksi dagangan sekuriti yang dilaksanakan di dalam tempoh tersebut meningkat berbanding tempoh yang sama pada tahun lepas.

## Kedudukan Agihan Pendapatan

Agihan pendapatan Tabung dibuat dalam bentuk tunai dan/atau unit. Pendapatan boleh agih akan ditolak cukai sebelum diagih kepada pemegang unit.

Berikut ialah agihan untuk tiga (3) tahun kebelakangan:

Bentuk Agihan	30.4.2022		30.4.2023		30.4.2024	
	Sen seunit	Kadar seunit	Sen seunit	Kadar seunit	Sen seunit	Kadar seunit
Agihan tunai kasar (sebelum cukai)	1.05	1.05%	0.09	0.09%	1.10	1.10%
Agihan tunai bersih (selepas cukai)	1.03	1.03%	0.88	0.88%	1.08	1.08%

## MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Pengurusan Kumipa Berhad  
Tingkat 20, Kompleks Teruntum  
Jalan Mahkota, 25000 Kuantan  
Pahang Darul Makmur  
No. Telefon : 09-5133900 / 019-9543900 No. Faks : 09-5133949  
E-mel : [administration@phgunitrust.com.my](mailto:administration@phgunitrust.com.my)  
Laman web Pengurus : [www.phgunitrust.com.my](http://www.phgunitrust.com.my)  
Waktu urusan niaga dari pukul 8.45 pagi – 4.00 petang

## MAKLUMAT PERHUBUNGAN SEKIRANYA MEMPUNYAI ADUAN

Sebarang aduan berkaitan dengan syarikat pengurusan dan produk boleh menghubungi :

*Investor Affairs & Complaints Department*  
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia  
No. 3, Persiaran Bukit Kiara, Bukit Kiara  
50490 Kuala Lumpur  
Aduan Hotline : 03-62048999  
No. Faks : 03-62048991  
E-mel : [aduan@seccom.com.my](mailto:aduan@seccom.com.my)  
Aduan dalam talian : [www.sc.com.my](http://www.sc.com.my)

Legal, Secretarial & Regulatory Affairs  
Federation of Investment Managers Malaysia  
19-06-1, 6<sup>th</sup> Floor Wisma Tune  
No. 19, Lorong Dungun, Damansara Heights  
50490 Kuala Lumpur  
No. Telefon : 03-20923800  
No. Faks : 03-20932700  
E-mel : [complaints@fimm.com.my](mailto:complaints@fimm.com.my)  
Aduan dalam talian : [www.fimm.com.my](http://www.fimm.com.my)

Permasalahan dan persoalan anda juga boleh diajukan kepada:

*Securities Industry Dispute Resolution Center (SIDREC)*  
Unit A-9-1, Aras 9, Tower A, Menara UOA Bangsar  
No.5, Jalan Bangsar Utama 1  
59000 Kuala Lumpur  
No. Tel: 03-22822280  
No.Faks: 03-22823855  
E-mel : [info@sidrec.com.my](mailto:info@sidrec.com.my)

## TAKRIFAN

<b>Hari perniagaan</b>	Hari Bursa Malaysia dibuka untuk urusan niaga.
<b>Tabung</b>	KUMIPA Balanced Fund
<b>Nilai aset Bersih (NAB) Tabung</b>	Nilai kesemua aset Tabung ditolak dengan kesemua nilai liabiliti Tabung pada sesuatu waktu penilaian.
<b>Perumpukan Aset</b>	Pelaburan Tabung yang dibahagikan kepada pelbagai jenis pelaburan yang dibenar mengikut kadar atau nisbah yang telah ditetapkan oleh Pengurus dalam mencapai strategi pelaburan Tabung.
<b>Portfolio</b>	Senarai pelaburan ekuiti dan pelaburan bukan ekuiti yang dipegang oleh Tabung.